

Jangan biarkan perpaduan kaum diuji lagi

Oleh MOHD. ARIF ATAN

LORONG yang sempit antara dua deretan rumah itu begitu kotor, berlumpur dan dipenuhi sampah sarap. Tidak semena-mena berpuluh-puluh tikus sebesar kucing keluar dari longkang sebelah kiri dengan rakusnya meratah sampah yang ada. Tidak lama selepas itu, berterbangan keluar lalat-lalat hijau yang kotor dari longkang sebelah kanan.

Demikianlah mimpi aneh yang dialami oleh Tunku Abdul Rahman pada 2 Mei 1969 hari Jumaat sepertimana yang tercatat dalam buku beliau *Sa-be-lum dan Sa-lepas* (1969). Tunku menyoal peristiwa berdarah 13 Mei 1969 sebagai 'satu letupan gempa masyarakat dan politik yang amat mengerikan'. Malah, telah memusnahkan impiannya sebagai Perdana Menteri yang paling berbahagia di dunia ini sebagaimana yang kerap disebutnya sebelum itu.

Tunku tegas berpendapat Parti Gerakan dan DAP ketika itu bertanggungjawab mencetuskan kekacauan tersebut. Tindakan parti politik pelampau perkauman tersebut ekoran pengaruh anasir komunis. Dalam masa yang sama, wujud penglibatan aktif kumpulan kongsi-kongsi gelap atau samseng pada masa itu.

Pilihan raya umum 1969 menyaksikan parti pembangkang yang pro-komunis berkempen dengan membangkitkan sentimen-sentimen perkauman bagi meraih sokongan masyarakat Cina. Mereka begitu taksud dengan konsep *Malaysian Malaysia* yang dibawa oleh Lee Kuan Yew. Sebaliknya, MCA pula dianggap terlalu bertolak ansur kerana



PERPADUAN kaum di negara ini mesti dipelihara bagi mengelak tragedi 13 Mei 1969 berulang lagi.

bekerjasama dengan UMNO.

Tunku turut menyatakan penentangan mereka didorong atas dasar penolakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan negara. Sebahagian kaum bukan Melayu terang-terang menolak dasar tersebut. Ibarat 'sudah diberi betis, mahukan paha', mereka menuntut supaya sekolah, hospital dan universiti khusus untuk orang Cina ditubuhkan segera. (halaman 28)

Akhirnya, tindakan tidak bertanggungjawab itu memperoleh sokongan luar biasa sehingga menyebabkan kedudukan Parti Perikatan mulai goyah. Si-kap kaum Cina ketika itu yang telah

'dirasuk' oleh ideologi komunis menjadikan Perikatan sebagai objek kebencian mereka. Penentangan paling ketara datang dari Pulau Pinang sehinggakan Tunku menganggap Pulau Mutiara itu sebagai 'sarang bagi komunis, kongsi-kongsi gelap dan puak-puak pelampau'.

Perarakan mayat pada 9 Mei serta perarakan 'mabuk kemenangan' pada 12 Mei yang didalangi fahaman pro-komunis merupakan tindakan provokasi yang membawa kepada rusuhan kaum pada 13 Mei. Laungan dan slogan antikerajaan, anti-Malaysia, anti-Melayu serta dengan angkuhnya menjulang gambar dan me-

UM - 14/5/2007
muji-muji Mao Tze-Tung begitu galak sepanjang perarakan tersebut.

Tambah mengguris perasaan bangsa Melayu sebagai penghuni asal tanah air ini, apabila cacian dan ejekan dilemparkan semasa perarakan tersebut berlangsung. Anggota dan keluarga polis juga tidak terkecuali dihina. Kekerasan fizikal seperti pukul, melontar bom asap, aksi lucah malahan pembunuhan berlaku.

Replika penyapu besar yang membawa mesej untuk menghalau orang Melayu ke desa dan hutan tambah menyakitkan hati penduduk Melayu sekitar Kuala Lumpur terutama di kawasan Kampung Baru. Bagi golongan pelampau, 'kapal layar' iaitu simbol Parti Perikatan sudah karam akibat kemerosotan sokongan dalam pilihan raya tersebut.

Akibatnya, Kuala Lumpur diletakkan di bawah perintah berkurung mulai pukul 7 petang pada 13 Mei setelah berlaku rusuhan yang menyebabkan bangunan rumah kedai dan kenderaan dibakar serta pembunuhan berlaku.

Kawasan-kawasan sekitar Kampung Baru, Jalan Chow Kit, Kampung Pandan, Jalan Raja Muda, Setapak, Sentul Pasar, dan Jalan Bangsar merupakan saksi kekacauan berdarah tersebut.

Didoakan setelah genap 38 tahun peristiwa hitam tersebut, hendaknya tiada lagi pihak yang muncul sebagai 'tikus-tikus besar' dan 'lalat-lalat hijau' yang memporak-perandakan keamanan tanah air berdaulat ini.

Walaupun negara kita berhadapan dengan gelombang globalisasi namun hak-hak yang digariskan untuk bangsa Melayu dan bumiputera mestilah sentiasa dihormati oleh semua pihak.